

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 14 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

MENGANGKAT SUMPAAH

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1411-MQT0092
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kebenaran dakwaan oleh peguam Jho Low bahawa tindakan sita terhadap kapal Equanimity oleh Kerajaan Malaysia adalah tidak sah dan dikatakan merampas prosiding negara lain.

2. PR-1411-MQT0091
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh negara anggota amnya dan Malaysia Khasnya dalam memastikan kelangsungan ASEAN dalam mengharungi cabaran, terutamanya dalam aspek keselamatan serantau, keganasan dan persaingan hegemoni kuasa-kuasa besar.

3. PR-1411-MQT0090
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai Duta Khas Perdana Menteri yang telah dilantik oleh beliau sejak menjadi Perdana Menteri ke-7:-
 - (a) siapakah Duta-Duta Khas itu dan ke mana mereka ditugaskan; dan

 - (b) apakah ganjaran, hak, kemudahan dan keistimewaan yang ditawarkan kepada mereka.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 14 OGOS 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

MENGANGKAT SUMPAAH

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L00872
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji dan meminda semula Perkara 66(4A) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan jika sesuatu RUU tidak diperkenan Yang di-Pertuan Agong dalam masa 30 hari dari tarikh RUU tersebut dikemukakan, maka RUU seolah – olah diperkenankannya berikutan pindaan yang diluluskan Dewan Rakyat pada 1 Ogos 1983, agar kejadian Akta Majlis Keselamatan Negara 2015 tidak berulang.

2. PR-1411-L00254
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan terhadap hak-hak Melayu dan Bumiputera terus terbela seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan serta menghormati peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan seperti perkara yang melibatkan penggunaan Bahasa Melayu di dalam urusan rasmi Kerajaan.

3. PR-1411-L00377
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian boleh membenarkan majikan membayar gaji kakitangan mereka secara mingguan seperti di British berbanding dengan penggajian bulanan seperti sekarang.

4. PR-1411-L00617
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan dan dasar yang sedang diusahakan oleh pihak Kementerian bagi memperkasa agenda dan ekonomi Bumiputera di negara ini dan adakah unit Peneraju Ekonomi Bumiputera (TERAJU) akan diteruskan di bawah pemerintahan Kerajaan sekarang.
5. PR-1411-L00661
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu berhasrat untuk membentangkan Akta Kebebasan Maklumat dan huraikan *roadmap*.
6. PR-1411-L00582
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah sasaran dan rancangan dalam mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing dan apakah peluang pekerjaan yang disediakan kepada rakyat Malaysia mengikut bidang kerja yang ditawarkan kepada pekerja asing sebelum ini.
7. PR-1411-L00663
Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan-rancangan atau langkah-langkah yang telah diambil mengikut Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) dalam membina semula rangkaian landasan keretapi dari Seremban ke Port Dickson.
8. PR-1411-L00460
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah segera yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kerugian yang dialami oleh KWSP sebanyak RM6.09 bilion dalam masa sebulan.
9. PR-1411-L00367
Tuan Ali bin Biju [Saratok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status rancangan pembinaan dan penurapan Jalan Bajau – Kupang dan pembinaan jambatan merentasi Sungai Krian, Saratok yang berjumlah RM100 juta.
10. PR-1411-L00318
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Kuala Krai akan beroperasi dan adakah pembinaannya siap mengikut masa yang dijanjikan.

11. PR-1411-L01080
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini mengenai projek *pipeline* gas dari pantai barat Sabah ke Sandakan bagi menjalankan projek loji janakuasa gas di Sandakan.
12. PR-1411-L00113
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan menurut laporan 'Kanak-Kanak Pinggiran' diterbitkan UNICEF, hampir 10 peratus kanak-kanak di PPR mempunyai masalah kekurangan zat makanan. Maka, apakah pelan tindakan Kerajaan Pakatan Harapan bagi membantu dan mengatasi masalah kekurangan zat makanan kanak-kanak dan keluarga yang terkesan akibat kemiskinan bandar.
13. PR-1411-L00790
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejak bulan Jun 2018, perkhidmatan keretapi elektrik berhenti di stesen Sungai Siput (U) 2 kali sehari. Difahamkan sebelum ini 4 kali sehari. Tindakan mengurangkan waktu perjalanan dari 4 kali sehari kepada 2 kali sehari mengundang kemarahan pengguna-pengguna yang bergantung sepenuhnya menjejaskan jadual perjalanan mereka. Nyatakan penjelasan sebab-sebab waktu perjalanan dikurangkan. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan semula waktu perjalanan kembali kepada 4 kali sehari.
14. PR-1411-L01333
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk membangunkan Sabah supaya rakyat Sabah dapat menikmati pelbagai kemudahan seperti air paip yang bersih dan terawat, jalan-jalan kampung yang diturap, bekalan elektrik, jalan raya 4 lorong menghubungkan bandar-bandar, kemudahan pengangkutan monorail dan MRT di Kota Kinabalu, dan lain-lain, sama seperti yang dinikmati oleh rakyat Malaysia yang lain di Semenanjung.

15. PR-1411-L00815
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah projek Mass Rapid Transit 3 (MRT3) juga hanya ditangguhkan dan bukannya dibatalkan kerana menelan perbelanjaan yang besar pada waktu ini seperti projek keretapi berkelajuan tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) dan berkemungkinan akan dilaksanakan pada masa depan. Bagaimana Kerajaan menilai sesuatu projek itu wajar dilaksanakan atau tidak.
16. PR-1411-L00591
Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan maklumat terperinci tentang pelaksanaan terkini projek tebatan banjir di Kelantan khususnya Rantau Panjang.
17. PR-1411-L00903
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aduan keseluruhan yang diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya di sepanjang PRU14 mengikut pecahan kategori jenis aduan, bermula dari tarikh Parlimen dibubarkan hingga ke hari pengundian, dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani aduan-aduan tersebut.
18. PR-1411-L00737
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kaedah baru yang diguna pakai oleh pihak Kerajaan dalam mengira hutang negara sehingga memasukkan sekali komitmen seperti pembayaran pajakan dan bayaran penyelenggaraan terhadap hutang Kerajaan serta liabiliti luar jangka berjumlah sehingga 201.4 bilion.
19. PR-1411-L00864
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kesediaan Kerajaan untuk mengadakan pilihan raya bagi seluruh jawatankuasa masjid, surau Jumaat, dan surau di Malaysia bagi memastikan demokrasi diamalkan di peringkat akar umbi masyarakat itu sendiri.
20. PR-1411-L01118
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status cadangan pembinaan Kem PGA ESSCOM di Beluran. Adakah isu keselamatan di ESSZONE masih menjadi keutamaan kepada Kerajaan.

21. PR-1411-L00172
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian bercadang mengkaji semula dasar dan strategi pelaksanaan program-program membasmi kemiskinan luar bandar bagi tujuan mempertingkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar.
22. PR-1411-L01276
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan jangka pendek dan panjang pihak Kementerian bagi menjana ekonomi di kawasan kampung atau luar bandar bagi mengurangkan masalah penghijrahan belia ke kawasan bandar.
23. PR-1411-L00749
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah *stateless children* di Malaysia. Nyatakan kenapa permohonan-permohonan masih ditolak walaupun Artikel 15 Perlembagaan Persekutuan telah dipenuhi. Sama ada Kerajaan bersedia menerima laporan DNA sebagai bukti konklusif bagi maksud pembuktian talian darah untuk tujuan Artikel 15 tersebut.
24. PR-1411-L00597
Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan mengkaji semula hubungan kewangan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri (Federal State Financial Relations) kerana dasar dan kaedah sedia ada sudah ditentukan beberapa dekad yang lalu.
25. PR-1411-L01033
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah telah diwujudkan jawatankuasa tender (*tender board*) untuk memantau semua tender di setiap Kementerian demi menjamin ketelusan dan mengelakkan sebarang proses rundingan dari terus berlaku.
26. PR-1411-L01091
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengambil langkah yang sama seperti Kementerian Pendidikan berkenaan inisiatif pertukaran penempatan bekerja supaya tiada lagi perhubungan jarak jauh antara suami isteri yang mana boleh mendorong kepada masalah hubungan keluarga seperti perceraian dan peningkatan permasalahan kesihatan mental di kalangan pegawai perubatan.

27. PR-1411-L01239
Brig Jen Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan dapat mempertimbangkan untuk memberi jumlah peruntukan Parlimen yang sama banyak kepada pembangkang sepertimana diberi kepada ahli Parlimen Pakatan Harapan.
28. PR-1411-L00683
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status perancangan dan pelaksanaan projek pembinaan Hospital Pengajar UNIMAS di Kota Samarahan.
29. PR-1411-L00134
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan penjawat awam gred 41 ke atas yang tidak mendapat Bantuan Khas Raya Aidilfitri 2018 baru-baru ini dan nyatakan jumlah kewangan Kerajaan yang telah diijamatkan kerana tidak memberikan Bantuan Khas Raya Aidilfitri kepada penjawat awam berkenaan serta nyatakan kesan dan implikasi kewangan dan ekonomi secara mikro dan makro.
30. PR-1411-L00765
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah subsidi yang dibelanjakan Kerajaan bagi mengekalkan harga RON95 kepada RM2.20.
31. PR-1411-L00263
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pembekuan pertukaran dan kenaikan pangkat di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) akan ditamatkan.
32. PR-1411-L00778
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyelesaikan masalah pemegang-pemegang Kad Pengenalan Bukan Warga di Malaysia selaras dengan manifesto Pakatan Harapan.
33. PR-1411-L00399
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini Projek Pembinaan SMK Nabal, Tuaran dan SMK Babagon, Penampang.

34. PR-1411-L00342
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kesemua projek ternakan kambing di Malaysia dan pencapaian setiap projek tersebut setakat 2017.
35. PR-1411-L00241
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah dasar-dasar baharu Kementerian di dalam agenda memperkasa ekonomi bumiputera khusus kepada golongan B40 dan M40.
36. PR-1411-L01230
Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mahu meneruskan lagi Sistem PBS (Pentaksiran Berasaskan Sekolah) di Sekolah Menengah yang sebelum ini mendapat kritikan ramai tentang cara implementasi sistem tersebut.
37. PR-1411-L00706
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah benar ekonomi domestik Labuan berada di dalam keadaan yang '*disadvantage*' untuk sekian lama apabila ekonominya menjadi terpisah atau tidak '*integrated*' dengan perancangan ekonomi Sabah.
38. PR-1411-L00349
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana Kementerian telah mengkaji aspek perkhidmatan kesihatan terutama di bandar besar yang memerlukan peningkatan perkhidmatan perubatan bagi mengatasi masalah kekurangan pakar perubatan serta kekurangan katil di hospital Kerajaan.
39. PR-1411-L00252
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk menaikkan hasil padi pesawah-pesawah demi meningkatkan pendapatan mereka.
40. PR-1411-L01366
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah uzur di kawasan Parlimen P.207 Igan dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan serta apakah nama sekolah-sekolah yang terlibat.

41. PR-1411-L01254
Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kedudukan penjawat awam berstatus kontrak yang ditamatkan perkhidmatan. Apakah perancangan Kerajaan dalam membantu mereka menerajui kehidupan mereka yang rata-ratanya sudah mempunyai keluarga dan meringankan beban dan tanggungjawab mereka yang rata-rata mengundi Pakatan Harapan.
42. PR-1411-L00526
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status rancangan membaik pulih Lebuhraya Pasir Gudang. Adakah fasa terakhir rancangan tersebut dari kawasan Bandar Seri Alam ke Pelabuhan Pasir Gudang akan diteruskan sehingga siap.
43. PR-1411-L00525
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat menyambung usaha Kerajaan terdahulu di dalam memperkasakan mahkamah syariah melalui Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS).
44. PR-1411-L00123
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status Klinik Kesihatan Long Busang, Belaga.
45. PR-1411-L00499
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program yang akan dilaksanakan jika Kanvas Belia TN50 tidak diteruskan.
46. PR-1411-L00112
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang jumlah dan nilai projek-projek pembesaran Hospital Besar Pulau Pinang, Bukit Mertajam, Seberang Jaya dan Balik Pulau serta klinik-klinik kesihatan di Pulau Pinang. Adakah projek-projek tersebut telah diluluskan dan bila ia akan dilaksanakan.
47. PR-1411-L00633
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan terperinci kerugian yang ditanggung oleh semua syarikat GLC, KWSP, PNB dan Syarikat Kementerian Kewangan Diperbadankan akibat daripada kejatuhan indeks Bursa Malaysia sejak 9 Mei 2018. Apakah kaedah Kerajaan untuk memastikan kerugian itu dapat diatasi.

48. PR-1411-L00296
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mengkaji semula dasar gaji dan persaraan tentera bagi membolehkan semua anggota tentera termasuk yang tidak menerima pencen sebelum ini untuk mendapat pembelaan lebih baik dan kebajikan yang terjaga sebagai perajurit negara.
49. PR-1411-L00932
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah terkini pengiraan harga petrol dan diesel di negara kita.
50. PR-1411-L00223
Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kehilangan cukai GST untuk Tahun 2018 selepas Kerajaan PH membuat GST *zero-rated* mulai 1 Jun 2018. Apakah kesan sebenar terhadap harga barang di pasaran dan langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat bagi mengimbangi balik kehilangan cukai tersebut.
51. PR-1411-L00276
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada siasatan kes Memali dan skandal Forex juga akan dibuka semula seperti kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu dan Teoh Beng Hock.
52. PR-1411-L00551
Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah graduan yang tidak mendapat pekerjaan lebih dari 3 tahun setelah selesai pengajian, serta nyatakan institusi mana yang banyak mengeluarkan siswazah-siswazah yang didapati masih mengganggu walaupun telah selesai pengajian melebihi 6 bulan.
53. PR-1411-L01129
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah nisbah jumlah penduduk negara dengan anggota polis dalam menepati *standard* Piawaian Antarabangsa.
54. PR-1411-L01337
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perincian berkenaan paksi dan fundamental ikhtiar ekonomi Kerajaan mutakhir ini. Apakah prioriti sebenar strategi ekonomi dan kewangan Kerajaan dalam dua (2) tahun akan datang in.

55. PR-1411-L00881
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pembayaran Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) kepada pembinaan 350m Skybridge yang menyambung Oceanus Waterfront Mall, Warisan Square, Api-Api, Center Point dan Asia City yang terletak di pusat bandar Kota Kinabalu.
56. PR-1411-L00875
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional pihak Kementerian Kewangan membuat liputan media dan kenyataan akhbar menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Malaysia.
57. PR-1411-L00997
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia terhadap isu repatriasi pelarian Rohingya dari Bangladesh balik ke Myanmar dan apakah pendirian Malaysia yang telah disuarakan dalam UN dan ASEAN.
58. PR-1411-L01262
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah pemilihan pelajar-pelajar matrikulasi. Ramai di antara pelajar-pelajar cemerlang tidak diberi tawaran matrikulasi. Bagaimanakah masalah ini akan diselesaikan.
59. PR-1411-L00482
Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah susulan untuk mengawal harga barangan setelah GST dimansuhkan.
60. PR-1411-L01077
Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah purata graduan yang dihasilkan setiap tahun dan berapakah peratus graduan yang mendapat kerja sejurus graduasi pada 2017 dan 2018.
61. PR-1411-L00475
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah komitmen Kementerian untuk memastikan pembangunan kawasan luar bandar di Sarawak akan tetap diteruskan demi mencapai hasrat sebagai sebuah negara maju pada Tahun 2020.

62. PR-1411-L00563
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara sejak tahun 2013 dan jumlah keseluruhan kewarganegaraan dalam tempoh yang sama berdasarkan kaum dan negara asal pemohon.
63. PR-1411-L01064
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah faktor utama hasil pertanian tempatan tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan tinggi sehingga Kementerian terpaksa mengimport bekalan makanan daripada negara luar.
64. PR-1411-L00037
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah penubuhan Jawatankuasa Kabinet untuk menyemak dan melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963.
65. PR-1411-L01151
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap tuntutan Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (HINDRAF) yang mencadangkan kuota kemasukan pelajar ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) dibuka kepada semua kaum. Adakah pihak Kerajaan bersetuju bahawa kuota kemasukan pelajar bumiputera ke UiTM, tidak diklasifikasikan sebagaimana termaktub di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.
66. PR-1411-L01051
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan Kerajaan akan mempertimbangkan pengeluaran lesen pengilangan baru untuk pasaran simen di Sarawak daripada meninggalkan kepada satu syarikat memonopoli dan mengawal keseluruhan pasaran simen di Sarawak.
67. PR-1411-L00446
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Selepas mengumumkan kadar GST kepada 0 peratus, apakah alternatif lain yang akan diguna pakai oleh Kementerian untuk mendapatkan pendapatan negara tanpa terlalu mengharapkan daripada dana Petronas yang ditentukan oleh harga minyak global.

68. PR-1411-L01100
Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan PH akan mengkaji semula perenggan-perenggan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang melaksanakan dasar diskriminasi pendidikan bahasa ibunda.
69. PR-1411-L00600
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah komitmen serta jaminan oleh Kerajaan bahawa cas pentadbiran tidak akan meningkat sekiranya peminjam menanggungkan pembayaran PTPTN.
70. PR-1411-L01105
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan bagi mengawal keselamatan perairan daripada ancaman khususnya di perairan Terengganu dan Kelantan yang menempatkan medan telaga minyak utama.
71. PR-1411-L(5)00007
Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang perancangan terkini berkaitan industri perikanan di Malaysia khasnya berkenaan dengan agenda untuk melindungi spesies ikan terancam seperti jerung dan "stingrays" yang banyak terdapat di kawasan perairan negeri Sabah yang semakin terancam. Apakah dasar atau undang-undang baharu di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan untuk melindungi spesies yang terancam ini.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

72. PR-1411-L(5)00004
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan Duta Khas Perdana Menteri ke Asia Timur merangkumi Jepun, Korea Selatan dan Taiwan serta prestasi yang dicapai di bawah tempoh pelantikan Duta Khas tersebut.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 (D.R. 15/2018) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 seperti berikut :-**

"BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018. "

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (14 Ogos, 2018)

2. (D.R.14/2018) Rang Undang-undang Antiberita Tidak **Bacaan Kali**
Benar (Pemansuhan) 2018 **Kedua**

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

3. (D.R.16/2018) Rang Undang-undang Suruhanjaya “
Pengangkutan Awam Darat
(Pembubaran) 2018

[Menteri Pengangkutan]

4. (D.R.17/2018) Rang Undang-undang Pengangkutan “
Awam Darat (Pindaan) 2018

[Menteri Pengangkutan]

5. PR-1411-U(27)003
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lekatan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

6. PR-1411-U(27)004
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

7. PR-1411-U(27)005
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."
[Menteri Dalam Negeri]
8. PR-1411-U(27)006
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
9. PR-1411-U(27)007
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."
[Menteri Kewangan]
10. PR-1411-U(27)008
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

11. PR-1411-U(27)009

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

[Menteri Pengangkutan]

12. PR-1411-U(27)001

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

13. PR-1411-U(27)002

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2018</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 67	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi (JPDP) Tahun 2016	14 Ogos 2018

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 14.08.2018 (Selasa)	1. YB Puan Noorita Binti Sual (Tenom)	1. Pembinaan Kompleks Sukan Tenom	1. YB Menteri Belia Dan Sukan
2. 14.08.2018 (Selasa)	2. YB Tuan Mohd Shahar Bin Abdullah (Paya Besar)	2. Isu Permasalahan Bekalan Air Di FELDA Bukit Sagu	2. YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**